

**MINIT BEBAS**

Tuan Amri Bin Ismail  
Pegawai Daerah Sabak Bernam,

Tuan,

**KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK  
BERNAM (PDTSB) 2019 - 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut seperti di atas.

2. Untuk makluman tuan, PDTSB telah melaksanakan Bengkel Kajian Semula Pelan Strategik bersama pihak MAMPU di Flamingo Hotel, Pulau Pinang pada 25-27 Februari 2022. Melalui pelaksanaan bengkel ini telah menghasilkan pindaan kepada Pelan Strategik PDTSB 2019 – 2023 yang melibatkan penambahbaikan strategi – strategi kepada teras strategik yang ditetapkan sebelum ini. Kajian Semula Pelan Strategik PDTSB ini juga telah dibentangkan semula semasa Sesi Perbincangan Akhir Kajian Semula Pelan Strategik pada 5 April 2022 bagi memuktamadkan semua kajian semula tersebut.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini diangkat Minit Bebas dan Deraf Akhir Kajian Semula Pelan Strategik PDTSB 2019 – 2023 yang telah dikemaskini untuk perhatian dan kelulusan pihak tuan selanjutnya. Selepas kelulusan, Kajian Semula Pelan Strategik ini akan dimuat naik dalam laman web Rasmi PDTSB bagi diakses sebagai rujukan rasmi jabatan.

4. Kerjasama pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHAMAD MARWAN BIN AHMAD TAJURI P.P.T)**

Ketua Penolong Pegawai Daerah  
Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)

## **KEPUTUSAN**

**DILULUSKAN / DITOLAK**

Menerima pakai Kajian Semula Pelan Strategik PDTSB 2019 – 2023.



**(AMRI BIN ISMAIL)**

Pegawai Daerah Sabak Bernam

Tarikh: 17/05/2022

### **ULASAN:**

Tetahlik kepada perbaharuan dalam dan senarai ke  
semua